



13 NOV, 2024

Nafi terima rasuah RM900

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



KUFARIZ Iskandar di Mahkamah Seksyen Sepang. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

PEMBANTU PENGUASA KASTAM DIDAKWA

Nafi terima rasuah **RM900**

Oleh Amir Abd Hamid
 amir_hamid@mediapri-
 ma.com.my

Sepang

Seorang pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas pertuduhan menerima wang RM900 daripada penumpang warganegara Bangladesh untuk pelepasan ubat-ubatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), tahun lalu.

Tertuduh, Kufariz Iskandar Zulkifli, 30, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Ahmad Fuad Othman.

Mengikut pertuduhan,

lelaki itu sebagai Penguasa Kastam Gred WK19 menerima ganjaran atau balasan sebanyak RM900 daripada sembilan penumpang warga Bangladesh untuk pelepasan ubat-ubatan milik mereka semasa pemeriksaan bagasi.

Perbuatan itu dilakukan di Cawangan Pemeriksaan Penumpang, KLIA Terminal 1, jam 1.30 tengah hari, 14 November tahun lalu.

Oleh itu, dia dituduh mengikut Seksyen 137(1)(b) Akta Kastam 1967 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 137(1) akta yang sama yang boleh dipenjarakan maksimum lima tahun atau didenda tidak melebihi RM500,000 atau kedua-duanya dan ditahan daripada memegang jawatan dalam perkhidmatan awam Kerajaan Persekutuan atau kerajaan ma-

na-mana negeri.

Timbalan Pendakwa Raya Nurul Akhilah Rosmi mencadangkan jaminan RM10,000 dengan syarat tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu jaminan dikurangkan kerana jaminan dipohon pendakwaan terlalu besar dengan simpanan yang tidak banyak selain perlu menanggung dua anak berusia sembilan bulan dan tiga tahun serta ibunya yang tidak bekerja.

Mendengar perkara itu, Ahmad Fuad kemudian menetapkan jaminan RM7,000 dan syarat tambahan dipohon pendakwaan dan sebutan semula kes 16 Disember ini.

Ahmad Fuad turut menasihatkan tertuduh melantik peguam sebelum tarikh itu memandangkan pertuduhan yang dihadapinya berat.

Mahkamah menetapkan jaminan RM7,000 sebutan semula kes 16 Disember ini



13 NOV, 2024

Nafi terima rasuah RM900

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUFARIZ Iskandar di Mahkamah Seksyen Sepang. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

PEMBANTU PENGUASA KASTAM DIDAKWA

Oleh Amir Abd Hamid amir_hamid@mediapri - m a .c om . m y S epang Seorang pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas pertuduhan menerima wang RM900 daripada penumpang warganegara Bangladesh untuk pelepasan ubat-ubatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), tahun lalu.